

19 OCT 2001

BELANJAWAN-EKSPORT

CUKAI INSENTIF AKAN TERUS DIPERKUKUHKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya insentif cukai untuk eksport diperkukuhkan lagi.

"Ini untuk memastikan yang eksport terus berkembang dan negara perlu mengurangkan pergantungan kepada eksport elektronik," kata beliau ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata eksport kasar dijangka merosot sebanyak 10.6 peratus tahun ini berikutan penguncupan ketara permintaan global ke atas produk elektronik.

Beliau percaya yang Malaysia mesti mempelbagaikan sumber eksport di samping meninjau pasaran-pasaran baru untuk terus kekal berdaya saing.

Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan berkata Malaysia tidak boleh terlalu bergantung kepada satu jenis barangan sahaja dengan kandungan import yang tinggi.

Namun begitu, negara tidak harus pula mengurangkan jumlah barangan lain dalam usaha mengurangkan pergantungannya kepada pengeksportan produk elektronik, tambah beliau.

Elektronik merupakan ekport utama negara, menyumbangkan hampir separuh daripada jumlah pendapatan eksport sektor perkilangan.

Beliau berkata elektronik mewakili 41 peratus daripada pendapatan eksport negara. Bagaimanapun, lebih daripada 70 peratus komponen elektronik merupakan barang perantaraan yang diimport.

Dengan itu, negara tidak dapat menikmati sepenuhnya faedah dari nilai ditambah bagi barangan eksport, tambah beliau.

Dari segi intensif untuk mempromosikan eksport, beliau telah mencadangkan, antara lainnya, syarikat Malaysia yang telah diiktiraf sebagai syarikat perdagangan antarabangsa diberi pengecualian cukai.

Cukai itu mestilah bersamaan 10 peratus ke atas peningkatan nilai eksport dan kriteria kelayakan seperti nilai jualan tahunan dilonggarkan, kata Perdana Menteri.

Beliau turut mencadangkan supaya cukai pendapatan kepada syarikat yang mengeksport perkhidmatan ditingkatkan daripada 10 peratus kepada 50 peratus daripada peningkatan nilai eksport.

Perdana Menteri mencadangkan pengecualian cukai pendapatan diberi kepada penganjur pameran perdagangan antarabangsa yang melibatkan sekurang-kurangnya 500 orang pelawat asing setahun.

Potongan dua kali turut dicadangkan oleh Perdana Menteri dengan tujuan cukai pendapatan untuk promosi eksport barangan dan perkhidmatan diperluaskan kepada beberapa perbelanjaan lain seperti "virtual trade show" dan bayaran kajian kemungkinan untuk menyertai tender seberang laut.

Perdana Menteri turut mencadangkan potongan bagi tujuan cukai pendapatan dibenarkan bagi perbelanjaan ke atas pendaftaran paten di luar negara dan bayaran sewa hotel kepada bakal pengimport barangan Malaysia. --

BERNAMA

MFZ KTC AA